



**KUNJUNGAN ...** Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) Malaysia mengadakan kunjungan hormat kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Datuk Syed Abas Syed Ali, di Bangunan Dewan Undangan Negeri, di Kota Kinabalu, pada Isnin.

Kunjungan itu sempena lawatan Suhakam Malaysia ke Sabah bermula 9 Okt dan berakhir pada 12 Oktober ini.

Rombongan Suhakam Malaysia diketuai oleh Pengerusi Suhakan Malaysia yang baharu bagi penggal 2016 hingga 2019, Tan Sri Razali Ismail dan disertai oleh Pesuruhjaya Suhakam Malaysia, Profesor Datuk Dr Aishah Bidin, Datuk Mah Weng Kwai, Datuk Godfrey Gregory Joitol, Francis John anak Adam dan Dr Nik Salida Suhaila Nik Salleh, pemangku Setiausaha Suhakam Malaysia, Nurul Hasanah Ahmed Hassain dan Ketua Penolong Setiausaha, Jasmih Selamat.

Turut hadir Timbalan Speaker DUN Sabah, Datuk Johnny Mositun dan Datuk Johnson Tee.

Lawatan Suhakam Malaysia ke Sabah antara lainnya Pengerusi Suhakam Malaysia dijemput menjadi speaker oleh Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang akan membincangkan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia dan Serantau, kelmarin di universiti itu.

Program tersebut merupakan anjuran Majlis Profesor Negara dengan kerjasama Falkulti Kemanusiaan Seni dan Warisan.

Hari ini, Program Suhakam Bersama Masyarakat Kampung Maukab Ranau di Mini Dewan Kampung Maukab, Ranau, bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Syed Abas menerima cendera kenangan daripada Razali selepas lawatan itu.